

BAB 7 Saliran

Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
2.3 Saliran		2.3.1 Membincangkan pandang darat fizikal di setiap peringkat aliran sungai		Buku Teks m.s 76-77		Soalan 1 Soalan 2	TP1 58-59
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks, rajah/foto bentuk muka bumi di setiap peringkat aliran sungai		Gallery Tour		Mencipta			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
Kelestarian alam sekitar, kreativiti		Peta bulatan		Bertanggungjawab			
Cadangan PdPc							
1. Guru menerangkan kepada murid tentang pandang darat fizikal di setiap peringkat aliran sungai berdasarkan rajah. 2. Guru berbincang dengan murid tentang pembentukan pandang darat fizikal di setiap peringkat aliran sungai. 3. Murid menjawab soalan 1 dan soalan 2 dalam buku Power Up Geografi halaman 58 dan 59. 4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 5. Setiap kumpulan menyediakan model peringkat aliran sungai mengikut kreativiti masing-masing. 6. Model yang telah siap dilabelkan dengan pandang darat fizikal di setiap peringkat aliran. 7. Hasil kerja setiap kumpulan diletakkan di atas meja untuk dilihat dan dinilai oleh kumpulan lain. 8. Kumpulan asal meletakkan pensel dan kertas di atas meja supaya kumpulan yang datang melawat memberikan komen. 9. Setelah kembali kepada kumpulan asal, murid menceritakan pembelajaran dan pengalaman yang diperolehi. 10. Guru menilai hasil kerja setiap kumpulan.							
Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
2.3 Saliran		2.3.2 Mengenali pasti nama sungai dan tasik utama di atas peta Malaysia		Buku Teks m.s 78-79		Soalan 3 Soalan 4	TP2 TP2 60
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks, peta Malaysia, foto sungai dan tasik utama di Malaysia		–		Menganalisis			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
Patrotisme, kelestarian alam sekitar		–		Bertanggungjawab			
Cadangan PdPc							
1. Guru memberi penerangan tentang sungai dan tasik utama di Malaysia. 2. Guru menerangkan kepada murid tentang kedudukan sungai dan tasik utama di Malaysia berdasarkan peta Malaysia. 3. Guru menunjukkan foto beberapa sungai dan tasik di Malaysia. 4. Murid menjawab soalan 3 dan soalan 4 dalam buku Power Up Geografi halaman 60.							
Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
2.3 Saliran		2.3.3 Membandingkan kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia		Buku Teks m.s 80-82		Soalan 5 Soalan 6 Soalan 7 Soalan 8	TP3 TP4 TP5 TP6 61-63
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks, lembaran kerja		Round Table		Menganalisis, menilai			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
Kelestarian alam sekitar		Peta bulatan		Bertanggungjawab, toleransi			
Cadangan PdPc							
1. Guru berbincang bersama murid tentang kepentingan sungai di Malaysia. 2. Guru menghuraikan kepentingan tasik semula jadi dan tasik buatan manusia di Malaysia. 3. Guru memberikan lembaran kerja kepada setiap murid yang mengandungi peta bulatan. Tajuk peta bulatan tersebut ialah “Kepentingan Sungai di Malaysia”. 4. Murid menampal peta i-THINK yang telah lengkap di dalam buku latihan. 5. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan. 6. Secara berkumpulan, murid bergilir-gilir menulis kepentingan sungai di Malaysia di atas kertas sebak yang sama. 7. Kemudian, secara bergilir-gilir murid menulis kepentingan tasik utama di Malaysia di atas kertas yang sama. 8. Murid menjawab soalan 5, soalan 6 dan soalan 7 dalam buku Power Up Geografi halaman 61, 62 dan 63. 9. Murid menjalankan aktiviti (soalan 8) dalam buku Power Up 8 halaman 63.							